

KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN CENDERASARI,
KUALA LUMPUR.

Tel: 985077

(19) dlm KKM 82/2/6

30 hb Ojos 1984

Semua Pengerah Perkhidmatan Perubatan &
Kesihatan Negeri

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sabah

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sarawak

Semua Pengarah Yayasan

PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN NO. 3/1984


Memperkuatkan Disiplin dan Perasaan Tanggungjawab
Kakitangan Perkhidmatan Awam

... Bersama ini diedarkan semula Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan bil. 4/1978 bertajuk "Memperkuatkan Disiplin dan Perasaan Tanggungjawab Kakitangan Perkhidmatan Awam". Surat Pekeliling ini difikirkan perlu diedarkan semula.

2. Adalah didapati ramai pegawai yang masih tidak mematuhi Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan bil. 4/1978. Mereka mengemukakan rungutan-rungutan tidak melalui saluran-saluran resmi ataupun cuba membawa pengaruh luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan atau permohonan. Perbuatan sedemikian bukan sahaja melanggar Perintah Am Bab D, tetapi juga mendatangkan berbagai kesulitan kepada pentadbiran.

3. Tuan dikehendakki mengingatkan semula semua pegawai dibawah jagaan tuan kepada Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan bil. 4/1978. Untuk melicinkan urusan pentadbiran di Jabatan ini, tuan hendaklah mengambil tindakan tegas keatas pegawai-pegawai yang tidak mematuhi peraturan.

4. Mulai dari tarikh Pekeliling ini, Jabatan ini tidak akan menimbangkan sebarang permohonan, rayuan, tuntutan atau rungutan yang tidak dihantar melalui Ketua Jabatan. Sebaliknya, perkara-perkara tersebut akan dirujuk balik kepada Ketua Jabatan yang berkenaan.


(DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN)
Ketua Pengarah Kesihatan.

s.k. YB Menteri Kesihatan, YB Timbalan Menteri Kesihatan
YB Setiausaha Parlimen, Y. Bhg Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian, Kementerian Kesihatan